



Contents lists available at [Journal IICET](#)

Lentera Negeri

Journal homepage: <http://journal.iicet.org/index.php/lentera>



A study on the level of patriotism among students of polytechnic kuala terengganu in conjunction with the 65th independence day

Zainun Binti Salleh^{*}, Salmi Binti Mohd, Mohd Zuky Bin Hanafi

Politeknik Kuala Terengganu, Kuala Terengganu, Malaysia

Article Info

Article history:

Received May 19th, 2024

Revised Jun 23th, 2024

Accepted Jul 30th, 2024

Keyword:

Patriotism

Independence day

ABSTRACT

Patriotism can be defined as the presence of love and affection for one's own country and the willingness to defend its sovereignty. This study was conducted to determine the level of patriotism among students at Politeknik Kuala Terengganu in conjunction with the 65th Independence Day celebration. A total of 80 students from two departments, the Department of Electrical Engineering and the Department of Information and Communication Technology, from semesters one to five for Session I: 2022/2023 were selected as respondents. This study combines both quantitative and qualitative methodologies. Quantitative data was obtained through questionnaires, while qualitative data was obtained through interviews. The findings of the study show that the level of patriotism among students at Politeknik Kuala Terengganu, based on the constructs of knowledge and attitude, is at a moderate level with a mean of 3.2. This indicates that the students have considerable knowledge about the country's history and independence and demonstrate good attitudes and activities in conjunction with the Independence Month. Interview findings from 75 students show that most students are aware of important national history. In conclusion, efforts to rekindle patriotic values need to be carried out continuously to further ignite the spirit of love for the country.



© 2024 The Authors. Published by IICET.

This is an open access article under the CC BY-NC-SA license
(<https://creativecommons.org/licenses/by-nc-sa/4.0/>)

Corresponding Author:

Zainun Binti Salleh,

zainun@pkt.edu.my

Pengenalan

Hari Kemerdekaan merupakan perayaan yang penuh makna bagi setiap rakyat Malaysia, di mana ia memperingati detik bersejarah pada 31 Ogos 1957 apabila negara ini mencapai kemerdekaan daripada penjajahan British. Pada tahun 2022, Malaysia menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-65, satu tempoh yang menandakan lebih daripada enam dekad kebebasan, kemajuan, dan pembinaan negara bangsa.



Kajian ini dijalankan untuk menilai tahap patriotisme dalam kalangan pelajar Politeknik Kuala Terengganu sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-65. Patriotisme, yang merangkumi rasa cinta, setia, dan bangga terhadap negara, adalah elemen penting dalam membentuk identiti dan perpaduan nasional. Ia adalah nilai yang harus dipupuk dan dikukuhkan terutamanya dalam kalangan anak muda yang akan menerajui masa depan negara.

Kajian ini diharapkan dapat memberikan pandangan yang mendalam tentang tahap patriotisme pelajar Politeknik Kuala Terengganu dan seterusnya mencadangkan langkah-langkah yang berkesan untuk meningkatkan semangat kebangsaan dalam kalangan pelajar. Dengan itu, kita dapat memastikan bahawa nilai-nilai murni ini terus subur dan diwarisi oleh generasi masa depan.

Patriotisme merupakan semangat cinta akan negara yang ditunjukkan melalui sikap, tindakan, dan kesetiaan terhadap negara. Semangat ini adalah elemen penting dalam pembangunan identiti kebangsaan dan perpaduan negara. Di Malaysia, semangat patriotisme sering ditekankan melalui pelbagai program dan aktiviti, terutamanya sempena sambutan Hari Kemerdekaan. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap patriotisme dalam kalangan pelajar Politeknik Kuala Terengganu sempena Hari Kemerdekaan ke-65.

Patriotisme bolehlah dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya. Banyak kajian telah dibuat tentang patriotisme pelajar dan usaha-usaha telah dilakukan untuk mengembalikan pelajar kepada semangat patriotisme. Masyarakat sekarang seolah-olah lupa akan pentingnya memupuk semangat patriotisme dalam diri. Ini kerana kita sering kali melihat anak bangsa kita disibukkan dengan telefon pintar serta tidak mengambil tahu tentang isu-isu yang menonjolkan semangat patriotisme. Kajian ini cuba membuktikan perkara tersebut berdasarkan faktor pengetahuan dan sikap.

Objektif kajian: 1) Mengenal pasti tahap patriotisme pelajar sempena bulan kemerdekaan ke 65 melalui pengetahuan sedia ada pelajar; 2) Mengetahui tahap sikap dan pengamalan patriotisme pelajar sempena hari kebangsaan. Batasan kajian merupakan faktor luar kawalan yang tidak dapat disentuh oleh penyelidik sewaktu proses menyiapkan kajian ini. Faktor kekangan masa merupakan batasan kepada kajian ini dan seharusnya perlu diperluas kepada politeknik diseluruh Malaysia

Patriotisme sering dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan terhadap negara sendiri, dan seseorang itu dianggap patriotik apabila kepercayaan, amalan dan tindakannya menepati ciri-ciri patriotisme (Nik Anuar Nik Mahmud: 2002). Ia merupakan satu perasaan positif tentang cinta, pengabdian, kebanggaan dan kewajipan menyokong dan melindungi tanah air (Haidt, 2016). Menurut Mukmin (2005) patriotisme adalah satu ekspresi perasaan, sikap, world-view serta nilai terhadap negara atau negeri sendiri, iaitu perasaan seperti cinta, saling menghormati atau kasih negara khususnya.

Ungku Aziz (2005), mengatakan bahawa semangat patriotisme bukanlah dengan hanya mengibarkan jalur gemilang kerana ia hanyalah simbolik semata-mata, tidak membuang sampah merata-rata juga boleh ditakrifkan sebagai patriotisme . Manakala menurut Celester & Torney (2002) menjelaskan bahawa perasaan sayang akan membuatkan remaja tidak melakukan perkara yang melanggar undang-undang. Abdul Rahim (1999) menjelaskan patriotisme akan mencorakkan daya ketahanan dan keiltizaman yang tinggi bagi membolehkan seseorang bertindak dengan berani dan cekal untuk mendaulatkan bangsa dan negara.

Menurut Muhamad Ali (2009), kecintaan kepada negara bukan hanya setakat ungkapan di bibir semata-mata malah boleh ditunjukkan dengan pelbagai cara, melalui pembudayaan nilai patriotisme yang dipupuk dan didapatkan di sekolah . Pembudayaan nilai patriotisme ini akan melahirkan murid-murid yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

Semangat patriotisme bukanlah perasaan yang wujud secara semula jadi dalam diri seseorang, tetapi perlu disemai, dipupuk dan diasuh, selari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025), semangat cintakan negara, perpaduan dan penyayang, pemupukan nilai patriotisme dan kesedaran pelbagai perlu diterapkan sejak awal persekolahan. Hal yang demikian kerana pada awal usia 0-6 tahun, fungsi otak berkembang sangat pantas dan mudah menerima dan menyerap pelbagai informasi dan tidak melihat baik dan buruk (Samni, Abdul Razaq & Mohd Mahzan, 2017).





Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang digunakan ini merupakan satu kajian yang berbentuk deskriptif. Menurut Majid (2005) penyelidikan deskriptif bermatlamat untuk meneroka sesuatu bidang yang belum atau kurang diterokai. Ia juga bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

Sampel Kajian

Sampel dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar daripada semester 1 hingga semester 5 sesi I:2022/2023 Politeknik Kuala Terengganu, yang terdiri daripada 52 orang (65%) Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) dan 28 orang (35%) Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK). Jumlah responden pelajar lelaki ialah 53 orang (66.2%) sementara pelajar perempuan seramai 27 orang (33.8%). Responden dalam kajian ini dipilih secara rawak seramai 80 orang daripada populasi 100 orang (Krejcie & Morgan 1970). Pensampelan adalah kaedah pengkaji mendapatkan maklumat untuk selesaikan masalah tanpa menggunakan jumlah keseluruhan populasi (Ghazali & Sufean, 2016)

Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik digunakan untuk mengukur tahap kefahaman pelajar. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A soal selidik mengenai demografi, bahagian B mengenai pengetahuan tentang sejarah negara dan bahagian C mengenai sikap pelajar dalam melahirkan perasaan patriotisme terhadap negara. Soal selidik dibina dengan menggunakan skala likert lima peringkat dengan nilai 1 sangat tidak setuju, 2 tidak setuju, 3 Setuju dan 4 sangat setuju dan 5 tidak pasti. Instrumen temubual juga telah di buat untuk menguatkan lagi kajian ini. Sebanyak 75 orang pelajar terlibat dalam temubual ini.

Kebolehpercayaan item

Bagi menentukan tahap kebolehpercayaan sesuatu kajian yang dibuat, nilai Cronbach's Alpha digunakan. Menurut Sekaran (2003), nilai Cronbach's Alpha yang terbaik adalah >0.8 . Nilai Cronbach's Alpha 0.6 hingga 0.8 pula bermaksud munasabah tahap kebolehpercayaannya dan nilai Cronbach's Alpha <0.6 adalah rendah dan tidak boleh diterima dalam sesuatu kajian yang dijalankan. Konstruk pengetahuan mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.865. Konstruk pengamalan juga mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.899. Ini menunjukkan soalan soal selidik ini berada pada tahap terbaik.

Analisa Kajian

Data soal selidik untuk fasa ini dianalisa dengan menggunakan Program Statistical Package for The Social Science (SPSS) versi 19.0. Proses penganalisan melibatkan kaedah statistik deskriptif yang menggunakan peratus, frekuensi dan min. Penggunaan kaedah ini adalah untuk menjawab soalan kajian

Dapatan Kajian

Bab ini membentangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi dalam bentuk graf bagi memudahkan pemahaman.

Jadual 1 menunjukkan jumlah keseluruhan responden adalah 80 orang yang terdiri daripada Jabatan JKE dan JTMK daripada pelbagai semester. Menurut Mohd Majid (1990), statistik deskriptif merupakan organisasi dan ringkasan data yang diperolehi daripada pemerosesan data. Operasinya boleh dalam bentuk jadual, ilustrasi dalam bentuk rajah atau graf tentang data atau maklumat. Manakala interpretasi skor min bagi kajian ini menggunakan sumber dari Jainabee & Jamil (2009).

Jadual 1 <Demografi Responden>





Kategori	Bilangan	Peratusan (%)
Lelaki	53	66.3
Perempuan	27	33.7
Jabatan		
JKE	52	65
JTMK	28	35
Semester		
Satu	7	8.8
Dua	18	22.5
Tiga	8	10
Empat	16	20
Lima	31	38.7
Jumlah	80 orang	100

Jadual 2 <Kekerapan Min Bagi Konstruk Pengetahuan>

Item	Pengetahuan	Kekerapan (N=80)					Tahap
		STS	TS	S	SS	Min	
A1	sy tahu tarikh kmrdkaan negara	1(1.3%)	1(1.3%)	42(52.5%)	36(45%)	3.41	tinggi
A2	sy bleh mbezakan bendera negeri	1(1.3%)		51(63.8%)	28 (35%)	3.33	sdrhn
A3	sy tahu PM msia yg prtma /kini	1(1.3%)	3(3.8%)	52 (65%)	24(30%)	3.24	sdrhn
A4	sy thu negra kita dijajah 4 kuasa	12(15%)	15(18.8%)	39(48.8%)	14(17.5%)	2.69	sdrhn
A5	sy tahu sejarah melaka n negeri lain	11(13.3%)	23(28.8%)	30(37.5%)	16(20%)	2.64	sdrhn
A6	sy thu sabah n s'wak jg msia	2(2.5%)	0	27 (33.8%)	51(63.8)	3.59	tinggi
A7	sy banyak mmbca ttg seja negara	1 (1.3%)	20 (25%)	37 (46.3%)	22(27.5%)	3	sdrhn
A8	sy bangga mnjadi rakyat msia	1(1.3%)	0	23(28.8%)	56(70%)	3.68	tinggi
A9	sy tahu nma pejuang2 kmerdekaan		1(1.3%)	6(7.5%)	50(62.5%)	23(28.8%)	3.19
A10	sy faham mksud kmrdkan yg sbnr	2(2.5%)	4(5.0%)	47(58.8%)	27(33.8%)	3.24	sdrhn

Jadual 2 memaparkan analisa kekerapan min bagi konstruk pengetahuan yang terdiri daripada 10 item. Skor min yang tertinggi ialah item A8 iaitu 3.68. Ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai semangat patriotik yang tinggi. Skor min yang ke dua tertinggi ialah item A6 turut mencatat min yang tinggi iaitu 3.59. Ini menunjukkan responden mempunyai pengetahuan asas mengenai negara Malaysia. Bagi item A4 , ia mempunyai min terendah iaitu 2.69. Ini menunjukkan terdapat kekeliruan dalam kalangan responden mengenai kuasa penjajah Malaysia. Item A5 juga mencatatkan min yang rendah iaitu 2.64. Ini menunjukkan pengetahuan responden mengenai sejarah negeri-negeri di Malaysia masih kurang memuaskan. Secara keseluruhan, min bagi kesemua item ialah **3.2** berada di tahap sederhana .

Berdasarkan jadual 3, dapatan analisis menunjukkan bahawa keseluruhan item berkaitan konstruk sikap berada pada tahap sederhana dengan skor min keseluruhan sebanyak **3.2**. Skor min yang tertinggi ialah item B8 iaitu 3.68. Ini menunjukkan responden menghargai kemerdekaan dengan mempraktikkan disiplin dan akhlak yang baik. Skor min ke dua tertinggi iaitu item B6 iaitu 3.59. Ini menggambarkan semangat patriotik dan kesetiaan responden terhadap negara. Bagi item B3 mendapat min terendah iaitu 2.22. Ini menunjukkan bahawa ramai responden tidak membeli jalur gemilang menggunakan duit sendiri. Item B5 juga mencatatkan min yang rendah iaitu 2.64. Ini menunjukkan minat responden untuk mendalami sejarah kemerdekaan melalui bahan bacaan dan tontonan masih kurang memuaskan. Secara keseluruhannya, skor min bagi kebanyakan item berada di tahap sederhana hingga tinggi, menunjukkan responden mempunyai sikap dan penghargaan yang baik terhadap kemerdekaan negara.





Jadual 3 <Kekerapan dan Skor Min Bagi Konstruk Sikap>

Item	Sikap	Kekerapan (N=80)					
		STS	TS	S	SS	Min	Tahap
B1	Sy mgibarkan jalur gmilang	1(1.3%)	20(25%)	32(40%)	27(33.8%)	3.41	tinggi
B2	sy hias rumah/ kereta dgn jalur g	1(1.3%)	25(31.3%)	40(50%)	14(17.5%)	3.33	sdrhn
B3	Sy beli jalur gmilang dgn duit	33(41.3%)	0	29(36.3%)	18(22.5%)	3.24	sdrhn
B4	sy ikuti smua program kmrdkaan	1(1.3%)	7(8.8%)	49(61.3%)	23(28.8%)	2.69	sdrhn
B5	sy suka baca/tonton filem merdeka	7(8.8%)		48(60%)	25(31.3%)	2.64	sdrhn
B6	sy stiasa beri taat setia kpd negra	2(2.5%)		48(60%)	30(37.5%)	3.59	tinggi
B7	sy wujudkan persaan kekitaan	1(1.3%)	4(5.0%)	50(62.5%)	25(31.3%)	3	sdrhn
B8	sy brdisiplin n brakhlak mulia	1(1.3%)	2(2.5%)	48(60%)	29(36.3%)	3.68	tinggi
B9	sy belajar brsgguh sbg mghrgai bln	1(1.3%)	1(1.3%)	45(56.3%)	33(41.3%)	3.19	sdrhn
B10	Sy fhm mksud merdeka yg sbrn	2(2.5%)	1(1.3%)	45(56.3%)	32 (40%)	3.24	sdrhn

Jadual 4 <Dapatkan Temubual>

Bil	Item	Betul		Salah	
		Bil	%	Bil	%
1	Negara kita merdeka pada tahun....	74 org	98	1 org	1.3
2	Tahun 2022 adlah kmrdkaan yg ke....	73 org	97	2org	2.7
3	Perdana Menteri pertama ialah.....	74 org	98	1 org	1.3
4	Bilangan jalur putih dan merah ialah.....	66 org	88	8 org	12
5	Kuasa besar pertama yg menjajah negara	58 org	77	17 org	22.6
6	Tema hari kebangsaan 2023 ialah..	53 org	71	22org	29
7	Rukun negara yang ke 3 ialah	68 org	90	7 org	9.3
8	Gelaran utk bendera Malaysia ialah...	74 org	98	1 org	1.3
9	Peristiwa berlaku pd 16 sept.....	63 org	84	12org	16
10	Bunga kebangsaan Malaysia ialah	74 org	98	1 org	1.3

Jadual 4 menunjukkan temubual yang dijalankan terhadap 75 orang pelajar mendapati soalan 1, 3, 8, dan 10 mempunyai peratusan jawapan betul tertinggi iaitu 98.7%. Soalan 6 (tema hari kebangsaan 2023) mempunyai peratusan jawapan salah tertinggi iaitu 29%. Secara keseluruhan, responden menunjukkan pengetahuan yang baik tentang sejarah dan fakta asas Malaysia.

Rumusan

Semangat patriotisme bolehlah ditakrifkan sebagai wujud rasa sayang dan cinta terhadap tanah air sendiri dan sanggup untuk mempertahankan kedaulatannya. Generasi muda sekarang kurang mempunyai semangat patriotism. Dapatkan konstruk pengetahuan menunjukkan tahap patriotism pelajar Politeknik Kuala Terengganu berada pada tahap sederhana, iaitu pelajar banyak mengetahui tentang sejarah negara. Bagi konstruk pengamalan dan sikap pelajar juga berada pada tahap sederhana. Sekolah atau institusi pendidikan perlu membanyakkan program kearah patriotism pelajar seperti perarakan pakaian kebangsaan, menonton filem perihal kemerdekaan dan sebagainya. Acara menghias premis dan kediaman dengan jalur gemilang juga dapat menaikkan semangat patriotism disamping menganjurkan debat atau pidato kemerdekaan.

Rujukan

- Abdul Rahim Abd. Rashid. (1999). *Belia Ketandusan Semangat Perjuangan*. Kuala Lumpur: Dewan Budaya.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mix Methods Approaches*. London: Sage Publications.
- Jainabee Kassim & Jamil Ahmad. (2009). *Kualiti Kepimpinan Pengetua Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Zon Selatan, Malaysia*. Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-16 pada 21 Julai 2009 di Auditorium Dato' Razali Ismail, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.





-
- Kamus Dewan. (1989). Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ku Hasnita Ku Samsu & Mohd Haizam Mohd Nor. (2011). *Kepentingan Pendidikan Patriotisme Terhadap Warganegara Malaysia. Journal of Southeast Asian Studies (JATI)*, 16(1), 23-34.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Ed. 7). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2002). *Patriotisme Dalam Penulisan Sejarah*. Kertas Kerja dibentangkan di Kongres Patriotisme Negara, di Institut Latihan Keselamatan Sosial KWSP, anjuran Biro Tatanegara dan Universiti Utara Malaysia, Bangi pada 22 - 28 Oktober 2002.

